

21 MAY 2002

Mahathir-Koizumi/I

PERTEMUAN MAHATHIR DAN KOIZUMI BERJAYA

Oleh: Siti Hawa Othman

TOKYO, 21 Mei (Bernama) -- Pertemuan antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Perdana Menteri Jepun Junichiro Koizumi hari ini disifatkan berjaya dengan persefahaman bahawa Jepun akan terus membantu Malaysia.

Bercakap kepada pemberita Malaysia lewat malam ini, Dr Mahathir berkata dua perkata utama dibangkitkan pada pertemuan sebelah pagi di Sori kantei (pejabat perdana menteri) iaitu penubuhan sekretariat Asean+3 dan juga pinjaman mudah untuk projek-projek di Malaysia.

Beliau berkata Jepun menyokong cadang untuk menubuhkan sekretariat itu di Malaysia.

Dr Mahathir berada di Jepun untuk lawatan kerja tiga hari. Beliau akan berlepas ke Korea esok untuk lawatan rasmi tiga hari.

Sementara itu, penubuhan sekretariat itu merupakan pengenalan ke arah mewujudkan cadangan Perkumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG).

Pemerhati Asean, China telah menyuarakan sokongan lebih awal terhadap konsep EAEG sementara Korea pula begitu yakin terhadap idea berkenaan, lebih-lebih lagi presiden Korealah yang mencadangkan supaya Asean+3 menjadi lebih formal ke arah mewujudkan EAEG yang lebih besar.

Menyentuh mengenai pinjaman-pinjaman mudah, Dr Mahathir berkata satu daripada pinjaman itu tidak diluluskan memandangkan ada beberapa pencinta alam sekitar Malaysia membantah projek ini dan pihak Jepun telah menimbangannya secara serius.

Projek itu membabitkan cadangan bekalan air dari Pahang ke negeri Selangor.

Terdahulu hari ini, Dr Mahathir telah mengadakan pertemuan dengan Dr Kisho Kurokawa, arkitek Lapangan terbang Antarabangsa KL (KLIA) bagi membincangkan konsep "bio-valley".

"Kami mahu mewujudkan "bio-valley" dan menempatkan tiga institusi yang terlibat di dalam penyelidikan genomik," katanya.

Beliau berkata Kurozawa turut membawa beberapa ahli akademik dari pelbagai universiti yang terlibat dalam penyelidikan tumbuhan dan baka binatang.

Kurozawa turut membawa beberapa syarikat farmasi yang menjalankan penyelidikan dengan harapan dapat menemui penawar untuk rawatan beberapa penyakit.

Dr Mahathir berkata ahli-ahli akademik ini telah melahirkan minat yang membara untuk bekerjasama dengan Malaysia di samping turut melatih para saintis Malaysia dalam penyelidikan-penyelidikan canggih.

"Bio-valley" itu yang terletak berdekatan e-village dan Perdana Menteri berkata e-village itu kemungkinan akan dimasukkan ke dalam projek "bio-valley" berkenaan.

Beliau berkata konsep e-valley itu akan mengambil masa untuk direalisasikan kerana ia melibatkan penubuhan unit-unit penyelidikan dan kerajaan mesti menyediakan bangunan dan kemudahan lain.

Dengan ini, para saintis Malaysia boleh bekerjasama dengan saintis-saintis asing dari Jepun untuk mengendalikan penyelidikan.

Ditanya sama ada Jepun telah memberi jaminan untuk terus melabur di Malaysia, Dr Mahathir berkata perkara itu "patut diputuskan oleh sektor swasta".

Bagaimanapun, beliau berkata seorang pegawai atasan Keidanren telah memberitahu beliau yang Malaysia dan lain-lain negara Asean mempunyai

beberapa kelebihan dan masyarakat perniagaan di Jepun telah dinasihatkan untuk terus melabur di negara-negara Asean.

-- BERNAMA

SHO FR AA LAT